

FAKTOR EKSTRALINGUISTIK: MOTIVASI TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PENUTUR BUKAN NATIF

Tay Meng Guat

Litat Bilung

Jabatan Pengajian Melayu
gracetay59@yahoo.com

Ambikapathi Shanmugam

Jabatan Teknologi Pendidikan

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap motivasi pelajar bukan penutur natif bahasa Melayu yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di sebuah sekolah menengah. Motivasi merupakan salah satu faktor ekstralinguistik yang mempengaruhi pembelajaran sesuatu bahasa. Seramai 77 orang pelajar yang berada di Tingkatan 4 dan 5 terlibat sebagai responden kajian. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data dan dianalisis berasaskan deskriptif dan inferensi. Item dalam soal selidik terdiri daripada Bahagian A tentang latar belakang responden, Bahagian B ialah konstruk untuk mengukur motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu. Instrumen tersebut merupakan adaptasi daripada format skala Likert 7 poin *Gardner's Attitude/ Motivation Test Battery (AMT)*. Perisian SPSS versi 20 digunakan untuk menganalisis data yang dikumpul dan dibentangkan dalam bentuk statistik deskriptif yang merangkumi taburan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek motivasi pelajar adalah pada tahap tinggi (Min=3.80). Hasil ujian-*t* menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu mengikut jantina dan aliran.

Kata kunci: ekstralinguistik, motivasi, penutur bukan natif

Abstract

This study is conducted to identify the level of motivation of non-native speaking students in learning the Malay language as a second language in a secondary school. Motivation is one of the extralinguistic factors that influence language learning. A total of 77 students in forms 4 and 5 were involved as respondents. The questionnaire is used as an instrument for obtaining data and was descriptively and inferentially analyzed. The items in the questionnaire comprises part A about the background of the respondents, and part B is the constructs to measure students' motivation in learning the Malay language. The instrument is an adaptation of the Likert scale format 7 points *Gardner's Attitude/Motivation Test Battery (AMT)*. SPSS version 20 and is used to analyze the data collected and presented in the form of descriptive statistics that cover the distribution of frequency, percentage, mean and standard deviation. The findings show that the aspects of students' motivation is high (Mean=3.80). The *t*-test

Tay Meng Guat, Litat Bilung & Ambikapathi Shanmugam/ Faktor ekstralinguistik: Motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan natif

shows that there is no significant differences in mean in the motivation of learning the Malay language based on the gender and stream.

Keywords: extralinguistic, motivation, non-native speaker

PENGENALAN

Ekstralinguistik merupakan satu pola yang bebas yang boleh wujud dalam mana-mana bidang kajian termasuk bidang kajian bahasa. Ekstralinguistik wujud dalam situasi di luar linguistik. Namun dalam kajian bahasa, ekstralinguistik diambil kira kerana maklumat-maklumat yang dimanifestasikan dalam elemen ekstralinguistik terbukti mampu membantu pelajar dalam mempelajari sesuatu bahasa. Antara elemen tersebut adalah seperti maklumat tentang motivasi, emosi, perlakuan dan personaliti. Oleh itu adalah penting untuk melihat elemen-elemen ini dalam mengkaji pembelajaran penutur bukan natif terhadap pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing yang lain.

Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa

Menurut Spolsky (1990) motivasi mempunyai peranan yang penting dalam menentukan pembelajaran sesuatu bahasa kedua itu sama ada berjaya atau sebaliknya. Menurut beliau, pelajar yang bermotivasi tinggi akan dapat belajar dengan cepat dan lebih banyak berbanding dengan pelajar yang kurang bermotivasi. Dalam situasi pembelajaran tertentu, pelajar yang kurang bermotivasi berkemungkinan cepat hilang tumpuan dan bermasalah disiplin. Sebaliknya, pelajar yang bermotivasi tinggi akan memberikan tumpuan dan terlibat secara aktif dalam aktiviti atau tugas pembelajaran. Di samping itu, motivasi dapat menjadikan proses pembelajaran berlaku dalam situasi yang bermakna, berfaedah dan menyeronokkan. Oleh itu, guru perlu sentiasa memberikan penegasan serta-merta kepada pelajar mereka apabila mereka memperlihatkan tingkah laku positif. Penegasan ini boleh diberikan dalam pelbagai bentuk seperti pujian, senyuman atau hadiah bagi mempertingkatkan tahap motivasi serta prestasi pelajar.

Motivasi sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana motivasi dapat menentukan hala tuju dan keberkesannya. Motivasi ialah penggerak yang melibatkan proses membangkitkan, mengekalkan dan mengawal minat. Pelajar yang bermotivasi tinggi biasanya mempunyai dorongan yang kuat dan mantap untuk terus berminat dengan perkara yang disampaikan hasil daripada rangsangan-rangsangan yang kuat, iaitu menerusi insentif dan motif. Dalam pembelajaran bahasa kedua, sikap, kesediaan dan motivasi saling berkait. Para pelajar yang mempunyai sikap positif, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi akan berjaya menguasai bahasa sasaran dan begitulah sebaliknya.

Banyak hasil kajian mendapati bahawa elemen motivasi memberikan sumbangan yang besar kepada pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua (Lightbown & Spada, 1999). Pengajaran-pembelajaran bahasa kedua melibatkan peranan dua pihak, iaitu guru sebagai penyampai maklumat dan pelajar sebagai penerima maklumat. Kedua-dua pihak ini perlu bekerjasama dalam memupuk motivasi yang tinggi supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dijayakan pada tahap maksimum. Guru dan pelajar harus saling membantu serta berusaha secara kolektif bagi mengekalkan tahap motivasi masing-masing.

Tay Meng Guat, Litat Bilung & Ambikapathi Shanmugam/ Faktor ekstralinguistik: Motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan natif

Pengekalan tahap motivasi yang baik merupakan satu langkah yang penting memandangkan tahap motivasi boleh berubah-ubah bergantung pada faktor-faktor yang boleh mempengaruhinya. Kelangsungan motivasi ini akan menjamin kelangsungan usaha dan tindakan yang aktif dalam mencapai matlamat yang telah disasarkan.

Dornyei (1994) menegaskan bahawa aktiviti-aktiviti pembelajaran, bahan pengajaran dan tugas individu boleh mempengaruhi motivasi pelajar terhadap bahasa kedua. Menurut Oxford dan Shearin (1994), motivasi merupakan satu elemen utama yang menentukan tahap penglibatan peribadi, keaktifan, dan kejayaan dalam menguasai bahasa kedua. Mereka menyenaraikan enam faktor yang boleh memberikan impak besar terhadap pembentukan motivasi, iaitu sikap terhadap bahasa sasaran, kepercayaan diri, matlamat, penglibatan, persekitaran dan atribut diri. Mengikut Abbas Pourhosein Gilakjani, Lai-Mei Leong & Narjes Banou Sabouri (2012), faktor yang paling utama dalam pembentukan motivasi ialah rasa bersemangat (*passion*). Para pendidik perlu memahami aktiviti-aktiviti dan pelaksanaan aktiviti yang boleh membentuk serta mengekalkan rasa bersemangat. Menurutnya, lima usaha awal yang boleh dilakukan bagi menyuburkan motivasi awal pelajar adalah dengan memperkemas sikap para pelajar terhadap bahasa sasaran, mempertingkatkan jangkaan kejayaan mereka, mempertingkatkan matlamat mereka, menjadikan bahan pembelajaran berkaitan dengan mereka dan membentuk kepercayaan mereka yang realistik.

KAJIAN LITERATUR

Beberapa kajian lepas mendapati bahawa faktor motivasi yang ditunjukkan oleh pelajar bukan penutur natif mempunyai kesan atau impak terhadap pencapaian dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (Abdullah, 2004; Citra, 2003; Roslind, 2003; Zamri & Zarina, 2001). Dapatan kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi akan memperoleh pencapaian yang baik berbanding dengan pelajar yang mempunyai motivasi yang negatif. Kajian terdekat oleh Jerie Peter Langan dan Zamri Mahamod (2011) terhadap murid Iban dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua juga menunjukkan dapatan yang sama. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa terdapat perbezaan motivasi antara murid lelaki dengan murid perempuan. Kajian Norazizah (2006) pula mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi sikap dan motivasi antara murid lelaki dengan perempuan terhadap pembelajaran Kesusasteraan Melayu.

Kajian Nurul dan Azizi (2012) yang melihat hubungan motivasi pembelajaran dan sikap dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Kulai, Johor mendapati bahawa faktor matlamat mempengaruhi motivasi intrinsik seseorang pelajar. Ini bermakna sekiranya seseorang itu mempunyai tahap motivasi yang tinggi, maka secara tidak langsung individu tersebut akan berusaha untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang. Begitu juga dengan faktor pemberian gred bagi motivasi intrinsik. Kajian Siti Sukainah dan Melor Md. Yunus (2014) merumuskan bahawa sikap yang positif, unsur motivasi dan usaha menguasai bahasa sasaran merupakan elemen-elemen penting yang menentukan kejayaan pelajar bahasa.

Tay Meng Guat, Litat Bilung & Ambikapathi Shanmugam/ Faktor ekstralinguistik: Motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan natif

Kajian yang dilakukan oleh Norizah Ardi (2005) menunjukkan bahawa pelajar bersikap amat positif terhadap bahasa Melayu serta bermotivasi untuk mempelajarinya kerana faktor pengaruh persekitaran seperti kesetiaan kepada bahasa nenek moyang mereka. Walaupun hasil kajiannya mendapati bahawa responden bersikap amat positif terhadap bahasa Melayu, namun dari segi penggunaannya adalah amat terhad kerana bahasa Melayu hanyalah bahasa yang diamalkan oleh kumpulan minoriti sahaja di Thailand yang berperanan dan digunakan dalam urusan hubungan kekeluargaan dan keagamaan sahaja.

Kajian perbandingan antara sikap dan motivasi pelajar di sekolah menengah atas di Bandar Lampung terhadap pembelajaran bahasa Inggeris dengan bahasa Indonesia oleh Budiawan (2008) mendapati sikap pelajar lebih gemar mempelajari bahasa Inggeris daripada bahasa Indonesia dan responden juga mempunyai motivasi belajar bahasa yang rendah terhadap bahasa Indonesia. Menurut pengkaji, situasi ini berlaku kerana pengaruh persekitaran, iaitu majoriti pelajar yang belajar di sekolah ini merupakan individu yang berada dalam kelas menengah. Pelajar-pelajar ini lebih terdedah kepada sistem bahasa Inggeris dan mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Inggeris. Di samping itu, dapatan kajian juga mendapati motivasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap prestasi pelajar yang mempelajari bahasa.

Pernyataan Masalah

Kelemahan atau kejayaan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar berkait rapat dengan sikap dan motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa berkenaan. Sikap merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan pelajar dalam mempelajari bahasa (Gardner 1972). Sikap negatif seperti membenci atau memandang rendah terhadap sesuatu bahasa akan menyukarkan pembelajaran bahasa berkenaan. Selain sikap, motivasi juga memainkan peranan yang penting dalam kejayaan pembelajaran bahasa (Gardner 1972). Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan penutur natif bahasa Melayu. Memandangkan masih kurang kajian terhadap motivasi dalam pembelajaran bahasa Melayu sekolah menengah berdasarkan jantina dan aliran yang sudah didokumentasikan. Maka usaha ini diharapkan secara langsung atau tidak langsung akan dapat membantu guru-guru bahasa mengetahui cara seseorang pelajar itu boleh berjaya atau gagal dalam pembelajaran bahasa Melayu kerana faktor-faktor itu mungkin mempengaruhi motivasi pembelajaran pelajar.

Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengenal pasti tahap sikap dan motivasi pelajar sekolah menengah dalam pembelajaran bahasa Melayu di sekolah.

Secara spesifik, kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- Apakah tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu?
- Adakah terdapat perbezaan min motivasi yang signifikan antara jantina yang dikaji?
- Adakah terdapat perbezaan min motivasi yang signifikan antara pelajar aliran Sains dengan Sastera?

METODOLOGI KAJIAN

Populasi Kajian

Kajian ini melibatkan kesemua 77 orang pelajar Tingkatan 4 (39 orang) dan 5 (38 orang) daripada aliran Sains dan Sastera di salah sebuah sekolah menengah di daerah Kapit. Sekolah berkenaan dipilih kerana sekolah tersebut merupakan sekolah di bawah program pendidikan khidmat komuniti IPG Kampus Batu Lintang, iaitu institusi yang merupakan tempat pengkaji sedang berkhidmat. Keadaan ini memudahkan pengkaji untuk mengutip data. Jadual 1 menunjukkan demografi responden.

Jadual 1

Demografi Responden

		Bilangan pelajar	Peratusan
Tingkatan	Tingkatan 4	39	50.6
	Tingkatan 5	38	49.4
Jantina	Lelaki	27	35.1
	Perempuan	50	64.9
Aliran	Sains	22	28.6
	Sastera	55	71.4

Instrumen Kajian

Tinjauan berbentuk kajian kes yang berdasarkan kaedah deskriptif ini menggunakan soal selidik yang diadaptasi daripada instrumen format skala Likert 7 mata *Gardner's Attitude/ Motivation Test Battery (AMT)*. Soal selidik tersebut dibahagikan kepada Bahagian A (Latar Belakang Responden) dan Bahagian B (sebanyak 24 Item Konstruk Motivasi). Responden dikehendaki memberikan respons kepada setiap item dengan menggunakan skala Likert lima mata mengikut susunan sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju, dan sangat setuju. Nilai pekali kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi populasi kajian ialah .93 untuk motivasi manakala untuk keseluruhan instrumen kajian (41 item) ialah .89.

Analisis Data

Dua jenis statistik yang digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini ialah statistik deskriptif dan statistik inferensi. Data yang diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan dikodkan, dianalisis dan dibentangkan dalam bentuk peratus, min dan sisihan piawai menggunakan *Statistical Package for the Sosial Sciences (SPSS)* versi 20. Ujian-*t* digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan min tahap motivasi mengikut jantina dan aliran responden. Bagi mengukur tahap motivasi terhadap pembelajaran bahasa, soal selidik ini menggunakan kaedah penginterpretasian yang dicadangkan oleh Ratanawalee Wimolmas (2013) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Penentuan Tahap Motivasi

Kategori	Julat Min
Rendah	1.00 - 2.33
Sederhana	2.34 - 3.67
Tinggi	3.68 - 5.00

DAPATAN KAJIAN

Tahap Motivasi Pelajar terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Secara amnya dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa Melayu dengan skor min pada tahap tinggi, iaitu 3.80. Aspek motivasi instrumental pelajar terhadap bahasa Melayu menunjukkan skor min tertinggi, iaitu 3.99 diikuti oleh aspek keinginan pelajar belajar bahasa Melayu yang mencatatkan skor min 3.86 dan aspek sikap pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu dengan skor min 3.56.

Bagi aspek sikap pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu, Item A22, iaitu saya berusaha bersungguh-sungguh supaya mencapai keputusan cemerlang dalam mata pelajaran bahasa Melayu dan Item A24, iaitu saya memberikan tumpuan terhadap soalan bahasa Melayu yang dijangka keluar dalam peperiksaan masing-masing mencatatkan skor min pada tahap tinggi, iaitu 4.40 dan 3.90. Item-item lain berada pada tahap sederhana seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Taburan data pada sisihan piawai yang tinggi pada Item A19, A20 dan A23 menunjukkan bahawa responden mempunyai pandangan yang berbeza dalam hal segera membuat kerja rumah bahasa Melayu, menyiapkan kerja rumah bahasa Melayu mengikut jadual dan meluangkan masa yang lebih banyak untuk belajar bahasa Melayu berbanding dengan subjek lain.

Jadual 3

Min dan Sisihan Piawai bagi Sikap Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu (N = 77)

No. Item	Item	Min	SP
A18	Saya segera membuat kerja rumah bahasa Melayu	3.38	0.86
A19	Saya belajar bahasa Melayu mengikut jadual	3.47	1.08
A20	Saya menyiapkan kerja rumah bahasa Melayu mengikut jadual	3.34	1.01
A21	Saya terlibat secara aktif dalam aktiviti semasa kelas bahasa Melayu	3.37	0.84
A23	Saya meluangkan masa yang lebih banyak untuk belajar bahasa Melayu berbanding dengan subjek lain	3.06	1.06

Nota: SP = Sisihan Piawai

Bagi item-item dalam aspek keinginan pelajar untuk belajar bahasa Melayu, Item B28, iaitu saya suka belajar bahasa Melayu kerana mata pelajaran ini sangat penting mencatatkan skor min paling tinggi, iaitu 4.29 dengan sisihan piawai 0.76. Item-item lain (B25 - B27) memperoleh skor min dalam lingkungan 3.60 hingga 3.80.

Berdasarkan analisis statistik, didapati bahawa semua item untuk aspek motivasi instrumental pelajar terhadap bahasa Melayu memperoleh skor min pada tahap tinggi kecuali Item C34, iaitu menguasai bahasa Melayu menjadikan saya orang yang berpengetahuan tinggi yang mencatatkan skor min sederhana ($M = 3.61$). Terdapat beberapa item yang mencatatkan skor min melebihi 4.00 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Skor min item-item selebihnya berada dalam lingkungan 3.68 hingga 3.99.

Tay Meng Guat, Litat Bilung & Ambikapathi Shanmugam/ Faktor ekstralinguistik: Motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan natif

Jadual 4

Min dan Sisihan Piawai bagi Motivasi Instrumental Pelajar terhadap Bahasa Melayu (N = 77)

No. Item	Item	Min	SP
C29	Bahasa Melayu ialah subjek wajib	4.55	0.87
C36	Menguasai bahasa Melayu membolehkan saya berkomunikasi dengan kaum lain	4.17	0.89
C37	Menguasai bahasa Melayu membolehkan saya faham novel dan filem Melayu	4.39	0.78
C38	Menguasai bahasa Melayu membantu saya mendapat pekerjaan yang baik	4.11	0.87
C39	Menguasai bahasa Melayu membolehkan saya membaca majalah berbahasa Melayu	4.26	0.85
C41	Penting untuk karier dan kerjaya saya	4.11	0.92

Perbezaan Motivasi antara Lelaki dengan Perempuan terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Dari segi aspek motivasi didapati bahawa secara keseluruhannya pelajar lelaki dan perempuan menunjukkan skor min motivasi yang sama iaitu 3.80 yang berada pada tahap tinggi. Ini bererti bahawa tiada perbezaan skor min motivasi antara pelajar lelaki dengan perempuan. Hasil kajian juga mendapati bahawa pelajar lelaki lebih positif dalam aspek sikap dan keinginan mempelajari bahasa Melayu berbanding dengan pelajar perempuan. Sebaliknya pelajar perempuan menunjukkan motivasi instrumental yang lebih tinggi ($M = 4.03$) berbanding dengan pelajar lelaki ($M = 3.92$). Namun perbezaan-perbezaan skor min yang amat kecil dalam aspek-aspek tersebut adalah tidak signifikan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5

Keputusan Ujian-t bagi Perbezaan Motivasi antara Lelaki dengan Perempuan terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Motivasi	Lelaki Min (SP)	Perempuan Min (SP)	nilai-t (ts)	Nilai P	Perbezaan Min
Sikap pelajar dalam mempelajari BM	3.59 (0.43)	3.54 (0.69)	0.31	0.03	0.05
Keinginan pelajar belajar BM	3.89 (0.57)	3.84 (0.78)	0.29	0.14	0.05
Motivasi instrumental pelajar terhadap BM	3.92 (0.32)	4.03 (0.72)	-0.74	0.00	-0.11
Motivasi Keseluruhan	3.80 (0.34)	3.80 (0.67)	0.00	0.04	0.00

Nota: ts = tidak signifikan, $p > .05$

Perbezaan Motivasi terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu mengikut Aliran Persekolahan

Jadual 6 menunjukkan dapatan ujian-t terhadap motivasi mengikut aliran persekolahan iaitu antara aliran Sains dengan Sastera. Hasil kajian menunjukkan bahawa pada keseluruhannya motivasi kedua-dua aliran mempunyai nilai skor min yang sama iaitu 3.80. Pelajar aliran Sains menunjukkan skor min yang lebih tinggi dalam ketiga-tiga aspek motivasi iaitu sikap dan keinginan belajar BM serta

Tay Meng Guat, Litat Bilung & Ambikapathi Shanmugam/ Faktor ekstralinguistik: Motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan natif

motivasi instrumental berbanding dengan pelajar aliran Sastera. Namun begitu, secara statistik, ujian-t tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara kedua-dua aliran seperti yang terdapat dalam Jadual 6.

Jadual 6

Keputusan Ujian-t bagi Perbezaan Motivasi antara Pelajar Aliran Sains dengan Sastera terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Motivasi	Sains Min (SP)	Sastera Min (SP)	nilai-t (ts)	Nilai P	Perbezaan Min
Sikap pelajar dalam mempelajari BM	3.77 (0.45)	3.48 (0.64)	1.94	0.11	0.29
Keinginan pelajar belajar BM	4.21 (0.42)	3.71 (0.75)	2.95	0.00	0.50
Motivasi instrumental pelajar terhadap BM	4.35 (0.42)	3.85 (0.62)	3.48	0.14	0.50
Motivasi Keseluruhan	3.80 (0.34)	3.80 (0.67)	0.00	0.04	0.00

Nota: ts = tidak signifikan, $p > .05$

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan julat min yang telah ditetapkan, didapati bahawa skor min motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu berada pada tahap tinggi dengan 3.80 sebagai skor min keseluruhannya. Dua aspek motivasi yang mendapat skor min pada tahap tinggi ialah aspek keinginan belajar BM dan motivasi instrumental yang memperoleh skor min 3.86 dan 3.99 masing-masing manakala aspek sikap pelajar dalam mempelajari BM berada pada tahap sederhana dengan skor min 3.56 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7

Purata Min Setiap Aspek Motivasi

Aspek Motivasi	Min	Tahap
Sikap pelajar dalam mempelajari BM	3.56	Sederhana
Keinginan pelajar belajar BM	3.86	Tinggi
Motivasi instrumental pelajar terhadap BM	3.99	Tinggi
Min Keseluruhan	3.80	

Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa responden mempunyai motivasi yang positif terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Responden sedar bahawa bahasa Melayu merupakan subjek yang wajib lulus dalam peperiksaan awam. Mereka percaya penguasaan bahasa Melayu yang baik boleh membantu mereka dalam peperiksaan kerana kebanyakan subjek lain disampaikan dengan menggunakan bahasa Melayu. Mereka mengakui bahawa dengan menguasai bahasa Melayu, mereka akan mempunyai kelebihan dari segi mendapatkan pekerjaan dan penting untuk kerjaya. Oleh itu, diharapkan agar para guru akan mengambil kira elemen-elemen ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dapat menimbulkan motivasi yang paling kondusif untuk memastikan kejayaan pelajar dalam pembelajaran bahasa. Guru perlu berusaha menyediakan

Tay Meng Guat, Litat Bilung & Ambikapathi Shanmugam/ Faktor ekstralinguistik: Motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan natif

perkembangan program dan aktiviti yang dapat mengekalkan minat pelajar dan membantu kecekapan berbahasa sasaran mereka. Galakkan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Motivasi terbentuk sebagai satu entiti hasil daripada pelbagai faktor dan merupakan daya kekuatan yang bersifat kompleks. Tahapnya juga boleh berubah dari semasa ke semasa berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhi diri pelajar. Seseorang pelajar itu perlu diberikan dorongan yang berterusan supaya motivasinya sentiasa berkekalan.

Tegasnya adalah sangat penting bagi kita mengetahui faktor-faktor yang membentuk motivasi pembelajaran bahasa kedua dengan jelas. Kefahaman dan kesedaran terhadap faktor-faktor ini boleh memberikan panduan yang amat berguna untuk menentukan prinsip-prinsip perancangan dan pelaksanaan kurikulum bahasa yang bakal digunakan di sekolah. Setiap individu yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua sama ada sebagai penggubal kurikulum, pelaksana atau pelajar perlu meneliti dan mengambil kira faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi.

RUJUKAN

- Abbas Pourhosein Gilakjani, Lai-Mei Leong & Narjes Banou Sabouri. 2012. *A Study on the role of motivation in foreign language learning and teaching. International Journal of Modern Education and Computer Science*, 7, 9-16.
- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman, Wan Ismail Wan Abdullah & Hafisah Zakaria (2014). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Prosiding Semianr Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*.
- Abdullah Musa. (2004). *Sikap dan motivasi pelajar Dusun terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Anja Schüppert & Charlotte Gooskens. (2012). *The role of extra-linguistic factors for receptive bilingualism: Evidence from Danish and Swedish pre-schoolers. International Journal of Bilingualism*, 16 (3), SAGE Publications, Inc.
- Ayuni Mohamad Bakari & Rohaidah Kamaruddin. (2016). Faktor Ekstralinguistik: Motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan pelajar asing di 5 universiti di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 4 (2), 83-92.
- Bandura, A. (1994). *Self-efficacy*. In Ramachandran, V. S., (Ed.) *Encyclopedia of human behavior* (pp. 71-81). New York: Academic Press
- Budiawan. (2008). *Pengaruh sikap bahasa dan motivasi belajar bahasa terhadap prestasi pada mata pelajaran bahasa Indonesia dan Bahasa Inggeris*. Universitas Indonesia Depok.
- Chithra a/p Raju. (2003). *Sikap dan motivasi pelajar India dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Dornyei, Z. 1994. *Motivation and motivating in the foreign language classroom. Modern Language Journal*, 78, 273-284.
- Gardner, R. C., & Lambert, W.E. (1972). *Attitude and Motivation in Second Language Learning*. Rowley, MA: Newbury House.
- Jacqueline Norris-Holt. (2001). Motivation as a contributing factor in second language acquisition. *The Internet TESL Journal*, 7 (6).

Tay Meng Guat, Litat Bilung & Ambikapathi Shanmugam/ Faktor ekstralinguistik: Motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan natif

- Jerie anak Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.
- Norazizah Abdul Aziz. (2006). *Sikap, motivasi dan gaya pembelajaran dan hubungan dengan pencapaian mata pelajaran Kesusasteraan Melayu*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nurul Ain Hamsari & Azizi Yahaya. (2012). Peranan motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 5 (3), 30-57.
- Oxford, R. L. and Shearin, J. 1994. Language learning motivation: expanding the theoretical framework. *The Modern Language Journal*, 78, 12-28.
- Ratanawalee Wimolmas. (2013). *A survey study of motivation in English language learning of first year undergraduate students at Sirindhorn International Institute of Technology (SIIT), Thammasat University*. Thailand. *Foreign Language Learning and Teaching. Conference Proceedings by LITU*, 2 (1), 904-915.
- Roslind Mawing. (2003). *Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan sikap pelajar terhadap bahasa Melayu*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Siti Sukainah Che Mat & Melor Md. Yunus (2014). Attitudes and motivation towards learning English among FELDA school students. *Australian Journal of Basic and Applied Science*, 8 (5), 1-8.
- Spolsky, B. (1990). *Conditions for second language learning*. Hong Kong: Oxford University Press. *The Free Dictionary*. diakses pada 20 Julai 2016. <http://www.thefreedictionary.com/>
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Social and Behavioral Sciences*, 134, 408-415.
- Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim & Roslina Abd Talib. (2012). *Hubungan antara minat, sikap dengan pencapaian pelajar dalam kursus CC301-Quantity Measurement*. Negeri Sembilan: Politeknik Port Dickson.